

TARIKH	KHAMIS, 6 JUN 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	SYOR WUJUD SISTEM HIBRID DUA SKIM PERSARAAN
M/S	1, 6 & 21
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	PENSION

Reformasi sistem persaraan, pencen

Syor wujud sistem hibrid dua skim persaraan

Bagi memastikan rakyat yang bersara memiliki simpanan mencukupi untuk mengekalkan taraf hidup bermaruah dan mendepani risiko apabila umur panjang, beberapa pendekatan mereformasikan sistem persaraan dan pencen dicadangkan sebagai penyelesaian ke arah negara menua dihadapi Malaysia menjelang 2043.

- Wujudkan sistem hibrid yang menggabungkan dua sistem persaraan iaitu pencen kerajaan dan caruman menerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- Menaikkan had usia persaraan daripada 60 ke 65 tahun dalam tempoh terdekat kerana terdapat pelbagai keperluan mendesak akibat peningkatan jangka hayat dan penurunan kadar kelahiran
- Peningkatan kadar caruman KWSP pekerja dan majikan bagi menjamin rakyat mempunyai sumber kewangan mencukupi apabila bersara

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Alzahrin Alias → Nasional 6, Bisnes 21



Syor tingkat caruman KWSP, galak sertai PRS

Saranan ahli ekonomi bagi jamin rakyat ada sumber kewangan apabila bersara

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peningkatan kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) oleh pekerja dan majikan mampu menjadi antara langkah reformasi sistem persaraan bagi menjamin rakyat mempunyai sumber kewangan apabila bersara.

Selain itu, ahli ekonomi mencadangkan kerajaan perlu menggalakkan lebih ramai rakyat menyertai Skim Persaraan Swasta (PRS) yang lebih fokus kepada persaraan, berbanding tertumpu kepada instrumen pelaburan yang lebih popular melalui tambahan dan lanjutan pengecualian cukai.

Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohamad Fazli Sabri, berkata ketika ini, kadar caruman pekerja menerusi KWSP adalah 11 peratus, manakala majikan adalah 12 peratus, dengan sebahagian syarikat besar menyumbang caruman lebih tinggi bagi pekerja mereka.

"Dalam keadaan sekarang, isunya adalah simpanan untuk persaraan yang tidak cukup untuk bersara dengan bermaruah se-

perti dinyatakan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) semalam (kelmarin).

"Ia perlu ada *opportunity cost* (kos melepasi) dan mungkin sampai masanya kita perlu pertimbangkan untuk meningkatkan sumbangan caruman KWSP," katanya kepada BH, semalam.

Dalam ucapannya pada Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa (ISWC) 2024 anjuran KWSP kelmarin, Anwar menegaskan Malaysia memerlukan reformasi sistem persaraan dan rangka kerja pencen sebelum mencapai status negara menua.

Beliau juga mengemukakan Menteri Kewangan berkata, pembaharuan itu perlu kerana ketika ini, hanya 29 peratus rakyat ada pencen atau pendapatan seperti pencen apabila bersara.

Mengulas perkara itu, Mohamad Fazli berkata, tumpuan perlu diberikan kepada PRS yang diperkenalkan kerajaan

pada 2012 bagi menggalakkan rakyat menyimpan untuk hari persaraan sama ada yang bekerja dalam sektor awam, swasta atau bekerja sendiri.

Katanya, ini boleh dilakukan dengan meningkatkan jumlah pengecualian cukai daripada RM3,000 ketika ini kepada kemungkinan sehingga RM5,000 hingga RM10,000, selain insentif cukai itu dilanjutkan lagi berbanding tahun taksiran 2025.

Beliau berkata, menjelang usia



Keratan akhbar BH semalam.



Mohamad Fazli Sabri

persaraan, masalah yang timbul adalah dari segi kos rawatan perubatan yang mahal, selain beban menyelesaikan pinjaman rumah, kenderaan serta pinjaman peribadi.

"Ramai yang menyimpan dalam instrumen pelaburan seperti unit amanah dan emas, namun kita perlu satu dana khusus untuk persaraan supaya pada usia 60 tahun, kita tidak perlu lagi bekerja untuk menyelesaikan perkara itu," katanya.

Ketika negara menekankan pertumbuhan ekonomi gig, Mohamad Fazli berkata, tumpuan juga perlu diberikan kepada pekerja e-hailing dan p-hailing bagi memastikan kebajikan serta kesejahteraan mereka selepas usia persaraan agar keperluan mereka terpelihara.

Skim sedia ada tak mampan

Bagi penganalisis ekonomi, Dr Mohd Yusof Saari, skim pencen sedia ada ini tidak mampan dalam jangka masa panjang dan beban yang semakin meningkat ke atas majikan.

Keadaan ini katanya, memerlukan penyelesaian kerajaan memperkenalkan pendekatan lebih moden, mengambil kira dinamika pasaran buruh yang berkembang serta keperluan unik populasi yang semakin tua.

Mohd Yusof memberi contoh berdasarkan tinjauan dijalankan Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan (EU-ERA) pada awal tahun lalu, 47.5 peratus pekerja berasaskan skim persaraan semasa mereka tidak mencukupi untuk jangka masa panjang yang antaranya disebabkan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Katanya, walaupun KWSP mengesyorkan sasaran simpanan persaraan minimum sebanyak RM240,000 menjelang usia 55 tahun, ramai rakyat Malaysia tidak dapat mencapai matlamat itu sebelum bersara.

Ketidakseimbangan itu katanya, menekankan keperluan mendesak bagi individu untuk menangani perancangan persaraan mereka dengan lebih teliti.

"Bagi mengatasi cabaran dihadapi pesara, adalah penting untuk menambah baik sistem persaraan di negara ini bagi memastikan kehidupan selesa serta memuaskan ketika persaraan dengan mengambil inspirasi daripada negara yang menjalankan amalan terbaik seperti Belanda, Denmark dan Australia.

"Melalui pembaharuan ini, Malaysia mempunyai peluang untuk secara proaktif menangani cabaran ini dengan memastikan sistem persaraan yang kukuh dan adil serta mampu memenuhi keperluan pelbagai tenaga kerja," katanya.

Malaysia jadi negara tua menjelang 2043

'Perancangan rapi masih belum jelas'

Kuala Lumpur: Pelbagai strategi dibangunkan Malaysia bagi menangani isu ke arah negara menua, namun perancangannya masih belum rapi dan pelaksanaan masih pada peringkat awal.

Penasihat Pertubuhan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, berkata kebanyakan perkhidmatan ketika ini masih tertumpu kepada isu sosioekonomi dan kesihatan remaja serta dewasa.

"Negara berdepan kekangan sumber menghadapi beban sedia ada yang pelbagai dan besar daripada remaja serta dewasa,

pada masa sama, terpaksa menghadapi isu warga menua.

"Setakat ini, perancangan rapi belum jelas bagi menghadapi isu negara menua ini dan tiada agensi atau badan khusus bagi memperincikan strategi pelaksanaan," katanya di sini, semalam.

Kelmarin, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menyatakan hasrat menumpukan perhatian kepada fenomena penuaan penduduk yang sedang pesat berlaku di seluruh dunia.

Ia susulan Malaysia dijangka menjadi negara tua menjelang 2043, iaitu 14 peratus daripada

penduduk terdiri daripada populasi berusia 65 tahun ke atas, berikutan kesan peningkatan jangka hayat dan penurunan kadar kelahiran.

Sebagai persediaan menghadapi isu negara menua, Dr Zainal Ariffin yang juga Pakar Perubatan Kesihatan Awam berkata, kerajaan dan individu perlu memastikan orang muda mempunyai jaringan keselamatan, tabungan atau insurans, sama ada melalui sistem kebangsaan, sukarela atau secara mandatori.

Katanya, semua peringkat masyarakat, bermula daripada pe-

mimpin perlu sedar bahawa isu negara menua adalah satu realiti dan menjadi cabaran besar.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Halimatus Sakdiah Minhat, berkata Malaysia perlu memberi fokus kepada domain utama implikasi penuaan kepada penduduk negara ini, iaitu kesihatan, sosial dan ekonomi.

"Ketiga-tiga perkara ini saling berkait, jadi tidak boleh hanya satu ditangani kerana ia akan memberi kesan kepada yang lain secara langsung atau tidak langsung," katanya.

Sistem hibrid perkukuh skim persaraan Malaysia

Integrasi pencen dan caruman persiapan hadapi negara menua

Oleh **Aizahrin Alias**
zahrin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengenalan sistem hibrid membabitkan dana persaraan iaitu pencen kerajaan dan caruman menerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), antara potensi penyelesaian ke arah negara menua yang dihadapi Malaysia ketika ini.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Ahmad Zulqarnain Onn, berkata untuk menuju ke hadapan, pengenalan hibrid membabitkan campuran manfaat tertakrif (DB) yang merujuk pencen kerajaan seperti diuruskan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dengan caruman tertakrif (DC) yang diuruskan KWSP.

"Dua perkara ini banyak diperkatakan semua pihak kera-

na isu DB seperti pencen iaitu dari segi kos (beban) kewangan mungkin agak tinggi. Adakah perlu ubah sistem pencen dan buat sistem caruman seperti KWSP?"

"Satu penyelesaian yang banyak dilaksanakan negara lain adalah skim hibrid antara kedua-dua DB dan DC. Ada sebahagiannya apabila sudah bersara dapat pendapatan daripada simpanan caruman dan memperoleh faedah pendapatan asas.

"Kalau boleh kita hendak menggubal dasar untuk generasi akan datang dengan skim hibrid antara kedua-duanya," katanya ketika Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa Ke-11 2024 (ISWC 2024) di sini, semalam.

Merujuk kepada sistem persaraan hibrid DB dan DC seperti yang diamalkan negara seperti United Kingdom (UK), membabitkan campuran antara konsep sistem manfaat ditakrifkan awal dan juga caruman bulanan.

Sebagai contoh, apa yang boleh dilaksanakan untuk sistem hibrid DB dan DC adalah mewujudkan satu tabung berasaskan konsep perkongsian risiko.

Empat peratus atau lima peratus daripada caruman bulanan KWSP ke dalam tabung solidariti berasaskan perkongsian risiko di dalam sistem DB.

Ini akan membolehkan ahli menerima sejumlah bayaran bulanan selepas bersara, sebagai contohnya sebanyak RM500 sebulan.

Dua 'dana' persaraan

Pelaksanaan sistem hibrid ini kelak membolehkan pekerja apabila bersara mendapat dana simpanan daripada caruman KWSP (DC) dan pada masa sama mendapatkan bayaran bulanan melalui pelaksanaan sistem DB.

Ahmad Zulqarnain juga menjelaskan, langkah lain yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan keselamatan sosial menjelang usia persaraan

adalah pengubalan undang-undang bagi membolehkan semua golongan mempunyai dana simpanan persaraan.

Beliau berkata, sistem pencen dan persaraan di Malaysia ketika ini hanya meliputi 60 peratus tenaga buruh dan 40 peratus lagi seperti peniaga, pekerja gig dan pekerja sambilan tidak mempunyai dana persaraan.

"Jadi, macam mana kita hendak menaikkan 60 peratus kepada 100 peratus. Apakah undang-undang yang perlu diubah? Ini kerana struktur pekerjaan sudah berubah kerana banyak yang dengan pilihan sendiri bekerja dalam sektor tidak formal.

"Seorang pembangun perisian tidak lagi bekerja dalam satu syarikat, tetapi menjadi pekerja bebas.

"Kita mahu mengubah undang-undang sedia ada supaya memberi inisiatif kepada golongan 40 peratus ini masuk ke dalam skim persaraan seperti KWSP," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin turut menyatakan penyelesaian baharu diperlukan untuk memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan dan setiap lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada perlindungan sosial.

Beliau menyeru agar KWSP memperluaskan perlindungan secara berperingkat supaya lebih ramai penduduk bekerja akan menjadi sebahagian daripada ekosistem KWSP, sekali gus dapat memastikan lebih ramai rakyat mampu mengumpul simpanan persaraan yang mencukupi.

Katanya, sudah tiba masanya Malaysia menerima pembaharuan rangka kerja pencen dan persaraan yang serius untuk meningkatkan perlindungan, kecukupan dan ketahanan agar dapat memastikan keselamatan kewangan dan ekuiti untuk semua rakyat dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang positif.

Ada sebahagiannya apabila sudah bersara dapat pendapatan daripada simpanan caruman dan memperoleh faedah pendapatan asas



Ahmad Zulqarnain Onn,
Ketua Pegawai Eksekutif KWSP

Pakar saran had usia bersara dinaikkan kepada 65 tahun

Had usia persaraan di Malaysia perlu dinaikkan daripada 60 ke 65 tahun dalam tempoh terdekat kerana terdapat pelbagai keperluan mendesak mengenainya, terutama dalam purata jangka hayat individu negara sekitar 75 tahun ke atas.

Ini menjadikan Malaysia dijangka menjadi negara tua menjelang 2043, iaitu 14 peratus daripada penduduk terdiri daripada populasi berusia 65 tahun ke atas susulan kesan peningkatan jangka hayat dan penurunan kadar kelahiran.

Apa yang lebih menjadikan had usia persaraan ini perlu dikaji adalah menjelang 2060, Malaysia dijangka mempunyai tiga orang dewasa umur bekerja bagi setiap warga emas berbanding 10 orang dewasa umur bekerja bagi setiap warga emas pada 2020.

Ketua Pegawai Eksekutif D3P yang juga firma perundingan pencen global, William Price, berkata had usia persaraan di

Malaysia ketika ini antara terendah bukan sahaja peringkat global, tetapi juga di negara serantau.

Beliau berkata, persaraan wajib di Malaysia pada usia 60 tahun secara relatifnya lebih rendah berbanding negara lain seperti di Jepun ditetapkan pada usia 65 tahun dengan saiz warga emas tertinggi di negara itu.

Malah katanya, pekerja berumur 55 tahun di Malaysia juga ketika ini boleh mendapatkan akses kepada dana persaraan dalam caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berbanding negara lain.

"Had persaraan di Malaysia tidak mempunyai sebarang perubahan walaupun negara lain telah meningkatkan umur persaraan. Sebagai contoh di Itali, mereka tidak menaikkan had persaraan dalam tempoh lama.

"Kemudian selepas krisis kewangan, Itali terpaksa meningkatkankannya dengan pantas. Jadi mereka berubah daripada neg-

ara yang mempunyai had persaraan agak rendah di Eropah kepada salah satu yang tertinggi.

"Saya rasakan lebih baik untuk Malaysia mencuba dan meningkatkannya sekarang lebih awal secara beransur-ansur dari tahun ke tahun untuk sampai ke tahap lebih baik.

"Jika dilaksanakan secara drastik seperti di Itali akan memberikan banyak kesukaran, malah Indonesia dan Singapura juga mempunyai had usia persaraan lebih tinggi daripada Malaysia," katanya.

Price berkata, kerajaan juga harus mengkaji semula had usia persaraan secara holistik membabitkan semua pihak berkepentingan.

Beliau berkata, perlu lakukan pelbagai inisiatif seperti menyemula semula pengeluaran KWSP dengan memberikan insentif tertentu yang dapat mendorong pencairan.

"Insentif boleh diberikan sep-

erti jika bersara lebih 60 tahun, sumbangan caruman menjadi lebih rendah atau boleh diberikan faedah jangka masa pendek.

"Malah, jika tidak mengeluarkan caruman pada usia 55 tahun, maka terdapat faedah berganda yang diberikan. Ini bermakna anda boleh melakukan peralihan dengan cara yang lebih mampan," katanya.

Sementara itu, pakar sekuriti sosial daripada Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC) Universiti Malaya (UM), Dr Amjad Rabi, berkata ketika KWSP mula ditubuhkan pada sekitar 1950-an, jangka hayat ketika itu adalah 55 tahun dan disebabkan itu pencairan boleh mengeluarkan simpanan mereka pada usia 55 tahun.

Beliau berkata, ini menjadikan mereka boleh menggunakan simpanan KWSP itu sebagai sokongan kehidupan harian, namun perkara itu adalah mustahil untuk dilakukan ketika ini

di mana jangka hayat semakin meningkat.

Persaraan pada 55 atau 60 tahun, katanya akan menjadikan mereka mempunyai jangka hayat sekitar 20 hingga 25 tahun ke hadapan dan jika mencapai usia 60 tahun tanpa wang, ia akan menjadi satu masalah.

"Jelas selain had usia persaraan, had usia pengeluaran wang adalah satu isu. Bagi mereka yang menyumbang dalam KWSP, mungkin kita boleh melibat untuk memberikan insentif supaya mereka dapat mengeluarkan caruman pada usia lebih lewat.

"Kita sepatutnya menetapkan umur pengeluaran pada 65 tahun. Ini adalah untuk generasi baharu yang akan hidup lebih lama," katanya.

Beliau berkata, langkah itu memerlukan perincangan lebih mendalam kerana terdapat kontrak yang perlu dipatuhi antara KWSP dan pencairan.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM